



Pendaftaran peserta seminar di Dewan Besar UPM.



Pelajar tekun mengikuti bimbingan penceramah berpengalaman.

Seminar PT3 percuma

» Program CSR BH ke arah pacu kecemerlangan pelajar

Oleh Sarah Aina Shawal
sarahaina@bh.com.my

■ Serdang

Kira-kira 500 calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dari sekitar Lembah Klang menghadiri Seminar PT3 BH Minda 2016 yang berlangsung di Dewan Besar, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Seminar sehari anjuran BH melalui Unit Pendidikan dengan kerjasama UPM itu diadakan secara percuma bersempena dengan penerbitan ke-1,000 akhbar sisipan Minda pada 26 Januari lalu.

Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman, berkata penganjuran seminar itu adalah sebahagian daripada program tanggungjawab

Seminar PT3

BH MINDA

wab sosial korporat (CSR) BH.

Bantu ulang kaji

Beliau berkata, BH menerbitkan akhbar pendidikan pertama khusus untuk pelajar sekolah menengah, iaitu *Minda Pelajar* pada tahun 1993 sebelum dijenamakan semula dengan nama *Minda* apabila BH menerbitkan satu lagi sisipan pendidikan khusus untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikenali sebagai *Skor*.

“Minda” dikhususkan untuk membantu ulang kaji calon Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebelum ini dan kini PT3 yang disisipkan dalam akhbar BH pada setiap Selasa,” katanya pada program berkenaan.

Yang turut hadir ialah Pe-

ngarang Pendidikan BH, Fadzlena Jafar, dan Pengarang Berita Pendidikan, Ridzuan Yop.

Mengulas lanjut, Badrulhisham berkata, BH sentiasa memastikan pengisian setiap akhbar sisipan pendidikan terbitannya dapat menyumbang ke arah memacu kecemerlangan pelajar.

Portal pendidikan

“Bagi menyokong penerbitan sisipan pendidikan, akhbar BH akan turut melancarkan portal pendidikan dijangkakan April depan,” katanya.

Sementara itu pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato’ Abu Bakar Baginda, Ahmad Muizzuddin Ahmad, 15, berkata penyampaian penceramah pakar dan berpengalaman pada seminar berkenaan, amat membantu kerana mudah difahami.

“Penceramah juga berkongsi teknik ringkas dan tepat bagi memperoleh markah optimum.

“Selepas mengikuti seminar ini, saya yakin dapat memperbaiki keputusan peperiksaan akan datang dengan menggunakan teknik menjawab yang betul,” katanya.

Klinik UPSR Fasa 1 Mac - April

Calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan mendapat tip menjawab soalan secara berkesan menerusi Klinik UPSR BH Didik (Fasa 1). Program ini berbentuk seminar dengan ceramah selama tiga setengah jam setiap subjek.

Yuran pendaftaran ialah RM130 untuk dua hari termasuk makan dan minum tiga kali sehari. BH menanggung cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM7.80. Pendaftaran boleh dilakukan menerusi laman web: www.bhpendidikan.com.my atau ejen yang dilantik oleh BH di lokasi berikut:

- 25 & 26 Mac
 - Pasir Putih (Sweet Beach Resort)
012-9005050
 - K Terengganu (UMT)
017-9742600 dan 017-2712911
- 26 & 27 Mac
 - Kuantan
019-9391024/011-14913181
 - Kota Kinabalu (UMS)
019-8120133
- 2 & 3 April
 - Tanjung Malim (PSAS)
016-4584746
- Teluk Intan
 - (SMK Seri Perak)
011-35076992/012-7878177
 - Taiping (Adtec)
013-5303470/019-3644124
- 8 & 9 April
 - Batu Pahat (UTHM)
019-7271599
- 9 & 10 April
 - Jerantut (SMKA Tahap)
019-9278271/013-9822417
- 23 & 24 April (Kali Kedua)
 - Melaka (KAYM) 012-6411877
 - Bangi (UKM) 017-9366109
 - Klang (KISAS) 012-7795557
 - Jerantut (SMKA Tahap)
019-9278271/013-9822417
- 29 & 30 April
 - Sintok (UUM)
019-471 9675/017-8301229
- 30 April & 1 Mei
 - P Pinang (USM) 019-478 4264
 - Kuching (DBKU) 013-808 8406

FASA 2:

- 7 & 8 Mei
 - Kuala Lumpur (NSTP)
03-20569863/03-20569284
- 14 & 15 Mei
 - Shah Alam (SMK TTDI Jaya)
012-3118676
- 21 & 22 Mei
 - Bangi (UKM) 017-9366109
 - Lahad Datu (Dwn Masyarakat)
 - Semporna (Dwn Masyarakat) 019-8813533
- 27 & 28 Mei
 - Skudai (UTM)
019-7712512/019-7732512
- 28 & 29 Mei
 - Seremban (Kolej MARA)
012-6388449



Badrulhisham dan Fadzlena (tengah) tidak ketinggalan hadir memberikan semangat kepada peserta.

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]